

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

## TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

**IMPORTANT:** Please read our Personal Data Protection Notice ("Notice") before opening the account with us. By giving us your personal data, you are indicating to us that you consent and agree to the terms of our Notice and for the process and disclosure of data under the Personal Data Protection Act 2010. Our Notice is available on our website at [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) and from any of our outlets.

These Terms & Conditions are intended to be read together with the Product Disclosure Sheet (PDS) for SA (Savings Account) Tawarruq, pamphlets, brochures or any other relevant terms & conditions issued by BMMB ("the Bank") which may be imposed from time to time according to the specific types of accounts bought by the Customer.

**These Terms and Conditions are separate from and do not affect the Terms and Conditions applicable to any Account.**

Any accounts opened and any operations on Online Account Opening of SA Tawarruq made shall be subject to and governed by the Terms & Conditions mentioned below:

### 1. DEFINITION

- 1.1 "Account(s) or SA Tawarruq" means the Customer(s)' account or accounts with the Bank and shall include any other new Savings Account- i (Tawarruq) accounts which may be offered by the Bank from time to time under Tawarruq concept. The products shall be governed by this Terms & Conditions.
- 1.2 "BMMB or The Bank" means Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No. 196501000376 (6175-W)] and includes its branches and its successor-in-title and assigns
- 1.3 "BNM" means Bank Negara Malaysia.
- 1.4 "CRS" means Common Reporting Standard.
- 1.5 "Customer" refers to the customer of the Bank or relevant member of its Group, who accesses, subscribes to and utilises the Internet Banking Service. The customer may be an individual or a sole proprietor.
- 1.6 "FATCA" means Foreign Account Tax Compliance Act.
- 1.7 "FEA" means Foreign Exchange Administration rules, regulations or notices as administered and issued by BNM from time to time.

**PENTING:** Sila baca Notis Perlindungan Data Peribadi kami ("Notis") sebelum membuka akaun dengan kami. Dengan mengemukakan data peribadi anda, anda memaklumkan kepada kami bahawa anda memberi kebenaran dan persetujuan terhadap terma-terma Notis kami dan juga untuk pemrosesan dan pendedahan data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Notis kami boleh diperolehi dari laman web kami di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) dan di mana-mana cawangan kami.

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca dengan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk AS (Akaun Simpanan) Tawarruq, pamphlet, brosur atau mana-mana terma & syarat yang dikeluarkan oleh pihak BMMB ("Bank") yang boleh dikenakan dari masa ke semasa mengikut jenis akaun tertentu yang dibuka oleh Pelanggan.

**Terma dan Syarat ini adalah berasingan dan tidak menjejaskan Terma dan Syarat yang dikenakan kepada mana-mana Akaun.**

Mana-mana akaun yang dibuka dan setiap operasi yang dibuat ke atas AS Tawarruq ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada Terma & Syarat yang dinyatakan di bawah:

### 1. DEFINISI

- 1.1 "Akaun atau AS Tawarruq" bermaksud akaun Pelanggan atau akaun bersama BMMB dan hendaklah termasuk mana-mana akaun Akaun Simpanan-i (Tawarruq) baharu yang akan ditawarkan dari masa ke semasa di bawah konsep Tawarruq. Produk ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat.
- 1.2 "BMMB atau Bank" bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad [No. Syarikat 196501000376 (6175-W)] termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.
- 1.3 "BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.
- 1.4 "CRS" bermaksud Keperluan Kawal Selia.
- 1.5 "Pelanggan" merujuk kepada pelanggan Bank atau ahli Kumpulan yang berkaitan, mengakses, melanggan dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet. Pelanggan boleh menjadi individu atau pemilik tunggal.
- 1.6 "FATCA" bermaksud Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing.
- 1.7 "FEA" bermaksud kaedah, peraturan atau notis pentadbiran pertukaran wang asing seperti yang dilaksanakan dan dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa.

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

### TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

- |   |  |
|---|--|
| <p>1.8 "ID Information" refers to the information pertaining to the type and number of the User ID as required to be keyed in by the Customer for verification by the Bank's system prior to the activation of the Internet Banking Service for the Customer's access.</p>  | <p>1.8 "<i>Maklumat ID</i>" merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan jenis dan nombor Pengguna ID sebagaimana yang diperlukan oleh Pelanggan untuk pengesahan sistem Bank sebelum pengaktifan Perkhidmatan Perbankan Internet untuk akses Pelanggan.</p>  |
| <p>1.9 "Instruction(s)" means any request, instruction, application and authorisation pertaining to the Accounts and/or Services communicated via the Internet Banking Service in whatever form given or transmitted via the computer Internet systems, mobile devices or any other available electronic medium, based on the use of the applicable Access Codes and unless inconsistent with the context in which it is used, shall include such instructions as may be communicated by the Customer to the Bank via any other methods which pertains to the Bank's Internet Banking Service, including instructions in the form of files containing multiple instructions relating to several transactions.</p> | <p>1.9 "<i>Arahan</i>" bermaksud apa-apa permintaan, arahan, permohonan dan kebenaran yang berkaitan dengan Akaun dan / atau Perkhidmatan yang disampaikan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet dalam apa-apa bentuk yang diberikan atau dihantar melalui sistem komputer berinternet, peranti mudah alih atau mana-mana medium elektronik yang ada, berdasarkan penggunaan Kod Akses yang berkenaan dan melainkan tidak konsisten dengan konteks yang digunakan, hendaklah termasuk arahan yang disampaikan oleh Pelanggan kepada Bank melalui apa-apa kaedah lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Internet Bank, termasuk arahan di dalam bentuk fail yang mengandungi perbagai arahan berkaitan dengan beberapa urusan niaga.</p> |
| <p>1.10 "<i>Internet</i>" means global network of information that is transmitted to the computers and devices which facilitate the telecommunications systems.</p>   | <p>1.10 "<i>Internet</i>" bermaksud rangkaian maklumat global yang dihantar kepada komputer dan peranti yang memudahkan sistem telekomunikasi.</p>   |
| <p>1.11 "<i>Internet Banking Service known as "i-muamalat"</i> refers to the i-muamalat services or the Bank's internet banking service (as the context may require) made available by the Bank comprised, inter alia, the service, which may be accessed by the Customer via the Internet, Mobile Devices or any other electronic medium approved by the Bank, in accordance with these Terms and Conditions;</p>  | <p>1.11 "<i>Perkhidmatan Perbankan Internet dikenali sebagai i-muamalat</i>" merujuk kepada perkhidmatan i-muamalat atau Perkhidmatan Perbankan Internet Bank (sebagai konteks yang diperlukan) disediakan oleh Bank yang terdiri daripada, antara lain, perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet, Peranti Mudah Alih atau mana-mana medium elektronik lain yang diluluskan oleh Bank, selaras dengan Terma dan Syarat ini.</p>   |
| <p>1.12 "<i>Password</i>" refers to a unique string of character created by the Customer (as may be changed by the Customer from time to time) for the activation and subsequent access to the Bank's Internet Banking Service.</p>   | <p>1.12 "<i>Kata Laluan</i>" merujuk kepada karakter unik yang dicipta oleh Pelanggan (seperti yang diubah oleh Pelanggan dari masa ke semasa) untuk pengaktifan dan akses seterusnya kepada Perkhidmatan Perbankan Internet Bank.</p>   |
| <p>1.13 "<i>Service(s)</i>" refers to the Bank's products and services as the context may require made available to the Customer and as may be added or changed, from time to time</p>  | <p>1.13 "<i>Perkhidmatan</i>" merujuk kepada produk dan perkhidmatan oleh Bank sebagaimana konteks yang diperlukan oleh Pelanggan dan ianya boleh ditambah atau ditukar, dari masa ke semasa.</p>  |

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

## TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

- |   |  |
|---|--|
| <p>1.14 <b>"Tawarruq"</b> consists of two sale and purchase contracts. The first involve the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis. In this product, the Customer will purchase the Commodity at Purchase Price from a supplier and thereafter, sell the Commodity to the Bank at <i>Murabahah</i> Sale Price on the basis of <i>Murabahah</i> which shall be paid to the Customer at the Maturity Date. The Bank shall thereafter sell the Commodity to a third party on cash basis.</p> | <p>1.14 <b>"Tawarruq"</b> terdiri daripada dua kontrak jualan dan pembelian. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda. Seterusnya, jualan berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Dalam produk ini, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan berasaskan <i>Murabahah</i> yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang. Pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.</p> |
| <p>1.15 <b>"Terms &amp; Conditions (T&amp;C)"</b> means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by BMMB with prior notice and shall apply to all accounts unless specific account type terms to the contrary apply</p>  | <p>1.15 <b>"Terma dan Syarat"</b> bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari masa ke semasa oleh pihak Bank beserta notis hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.</p>  |
| <p>1.16 <b>"User ID"</b> means the unique name made up of a string of characters created by the Customer (as may be changed by the Customer from time to time) which must be keyed in by the Customer in order for the Internet Banking Service system to associate the User ID with the Customer's profile and Accounts, assigned to and to be used by the Customer for the activation and subsequent access to the Bank's Internet Banking Service.</p>   | <p>1.16 <b>"ID Pengguna"</b> bermaksud nama unik yang terdiri daripada rentetan karakter dicipta oleh Pelanggan (mungkin diubah oleh Pelanggan dari masa ke semasa) yang mesti dimasukkan oleh Pelanggan supaya sistem Perkhidmatan Perbankan Internet dapat mengaitkan ID Pengguna dengan profil dan akaun yang diberikan dan untuk digunakan oleh Pelanggan untuk pengaktifan dan seterusnya akses kepada Perkhidmatan Perbankan Internet Bank.</p>  |
| <p><b>2. <u>ONLINE DEPOSIT ACCOUNT OPENING</u></b></p>  | <p><b>2. <u>PEMBUKAAN AKAUN DEPOSIT ATAS TALIAN</u></b></p>  |
| <p>2.1 Opening of SA Tawarruq via i-muamalat is only eligible for existing customers of the Bank.</p>   | <p>2.1 Pembukaan AS Tawarruq melalui i-muamalat hanya layak kepada pelanggan Bank yang sedia ada.</p>  |
| <p>2.2 Individuals are eligible for opening of Savings Account-i (Tawarruq) via i-muamalat.</p>   | <p>2.2 Individu layak untuk membuka kedua-dua Akaun Simpanan-i (Tawarruq) melalui i-muamalat.</p>  |
| <p>2.3 Joint or In-Trust account is not allowed</p>   | <p>2.3 Akaun bersama atau akaun amanah adalah tidak dibenarkan.</p>  |
| <p>2.4 The Customer acknowledges and agrees to the new account opening of SA Tawarruq account via i-muamalat pursuant to the terms and conditions hereunder.</p>  | <p>2.4 Pelanggan menerima dan bersetuju dengan pembukaan akaun baru AS Tawarruq melalui i-muamalat selaras dengan terma dan syarat yang tertera di bawah.</p>  |
| <p>2.5 The Customer may apply for new SA Tawarruq account via i-muamalat secured site (with ID information and password authentication) and the account shall be duly activated in real time subject to the terms and conditions hereunder.</p>   | <p>2.5 Pelanggan boleh memohon akaun baru AS Tawarruq melalui laman web i-muamalat (dengan Maklumat ID dan pengesahan kata laluan) dan akaun tersebut akan diaktifkan dalam masa nyata tertakluk kepada terma dan syarat di bawah.</p>   |
| <p>2.6 Successful opening of new SA Tawarruq account will be linked automatically to the Customer's existing i-muamalat account. The newly opened account will be automatically tagged to the customer's existing debit card upon successful account creation. For unsuccessful tagging of the Customer's debit card, the</p>   | <p>2.6 Pembukaan akaun baru AS Tawarruq yang Berjaya akan dihubungkan ke akaun i-muamalat Pelanggan yang sedia ada secara automatik. Akaun yang baru dibuka akan ditandakan secara automatik kepada kad debit pelanggan sedia ada apabila pembukaan akaun yang berjaya. Untuk Pelanggan yang tidak</p>   |

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

### TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

Customer shall contact the Bank's Customer Care or visit the nearest Branch.

berjaya, Pelanggan diminta untuk menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank atau dengan melawat Cawangan terdekat.

2.7 The Bank by providing reasonable reason reserves the right to reject the Customer's SA Tawarruq account application via i-muamalat.

2.7 Pihak Bank dengan alasan yang munasabah berhak untuk menolak permohonan Pelanggan untuk permohonan akaun AS Tawarruq melalui i-muamalat.

2.8 Electronic Monthly Statement will be made accessible for SA Tawarruq account via i-muamalat Online Statement. There will be no hardcopy statement(s) issued for SA Tawarruq account that is opened via i-muamalat.

2.8 Penyata Bulanan Elektronik akan disediakan untuk akaun AS Tawarruq melalui Penyata Atas Talian i-muamalat. Tiada pernyataan sulit yang dikeluarkan untuk akaun AS Tawarruq yang dibuka melalui i-muamalat.

2.9 Minimum initial deposits for opening of SA Tawarruq are as follows:

2.9 Minimum Deposit Awal untuk pembukaan AS Tawarruq adalah seperti yang berikut:

Type of Account	Minimum Initial deposit
Savings Account-i	RM100

Jenis Akaun	Minimum Deposit Awal
Akaun Simpanan	RM100

2.10 Minimum initial deposits for SA Tawarruq under campaigns may vary from the above as are introduced and promoted by the Bank from time to time.

2.10 Minimum deposit awal untuk kempen AS Tawarruq mungkin berbeza daripada yang dinyatakan di atas seperti yang diperkenalkan dan dipromosikan oleh Bank dari masa ke semasa.

2.11 The new SA Tawarruq accounts opened via i-muamalat will be auto closed after seven (7) days of creation if it remains at zero balance.

2.11 Akaun AS Tawarruq yang baru dibuka melalui i-muamalat akan ditutup secara automatik selepas tujuh (7) hari akaun dibuka sekiranya ia kekal pada baki sifar.

2.12 If there are changes in individual personal data (e.g. occupation, employer name, income and etc.), the customer is encouraged to update the changes for the Bank's record. For the changes of residential address and telephone number, the customer may visit any BMMB branches for personal data updating. The Bank reserves the right to suspend operation of the account subject to changes of the personal data being updated and satisfied by the Bank.

2.12 Sekiranya terdapat perubahan dalam data peribadi individu (contohnya pekerjaan, nama majikan, pendapatan dll), pelanggan dikehendaki untuk mengemas kini perubahan bagi rekod Bank. Bagi perubahan alamat kediaman dan nombor telefon, pelanggan boleh mengunjungi mana-mana cawangan BMMB untuk mengemas kini data peribadi. Bank berhak untuk menangguhkan operasi akaun tertakluk kepada perubahan data peribadi yang dikemas kini dan dipenuhi oleh pihak Bank.

### 3. AGREEMENT ON APPOINTMENT AS AN AGENT

### 3. PERSETUJUAN PERLANTIKAN SEBAGAI WAKIL

3.1 The Customer (acting as the "Principal") agrees to appoint the Bank (acting as the "Agent") and the Bank agrees to accept the appointment as an agent of the Customer to do and execute all acts for the purchase the Commodity at Purchase Dates in accordance with these Terms & Conditions by submitting a duly completed application form.

3.1 Pelanggan (bertindak sebagai "Prinsipal") bersetuju untuk melantik pihak Bank (bertindak sebagai "Ejen") dan pihak Bank bersetuju untuk menerima perlantikan sebagai wakil kepada Pelanggan untuk menjalankan sebarang tugas bagi pembelian Komoditi pada Tarikh Pembelian tertakluk kepada Hari Dagangan mengikut Terma & Syarat ini dengan mengemukakan borang permohonan yang lengkap.

3.2 The Customer also authorises the Bank to conclude the sale of the Commodity on behalf of the Customer subsequent to the purchase of such Commodity.

3.2 Pelanggan juga memberi kuasa kepada pihak Bank untuk memuktamadkan jualan Komoditi bagi Pelanggan selepas pembelian Komoditi tersebut.

### TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

### TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

- |   |   |
|---|---|
| <p>3.3 The Customer will sell the Commodity to the Bank and the Bank will buy the Commodity at the Sale Price.</p>  | <p>3.3 Pelanggan akan menjual Komoditi kepada pihak Bank dan pihak Bank akan membeli Komoditi tersebut pada Harga Jualan.</p>   |
| <p>3.4 The Bank will only act as an agent (buy and sell the Commodity) to the Customer for the specific provisions made in this Terms &amp; Conditions and will not assume, or be deemed to have assumed, any additional obligations to, or to have any special relationship with the Customer.</p>   | <p>3.4 Pihak Bank hanya akan bertindak sebagai ejen (membeli dan menjual Komoditi) kepada Pelanggan bagi peruntukan-peruntukan tertentu yang telah ditetapkan di dalam Terma &amp; Syarat ini dan tidak akan menerima, atau dilihat sebagai menerima apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan.</p>   |
| <p>3.5 The Bank will, in performing its obligation in buying and selling of Commodity, look after the best interest of the Customer and act in good faith.</p>  | <p>3.5 Pihak Bank akan, dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam membeli dan menjual Komoditi, menjaga kepentingan Pelanggan dan menjalankan tanggungjawab secara suci hati.</p>  |
| <p>3.6 The Customer indemnifies the Bank on its first demand against all losses, claims, actions, proceedings, damage, costs and expenses whatsoever claimed by any party and/or incurred or sustained by the Bank as a result on the purchase of commodity under any transaction hereunder as agent of the Customer or a breach by the Customer of any of him/her/their obligation herein unless such losses claims, actions, proceedings, damage, costs and expenses is attributable to the wilful misconduct, gross negligence or fraud of the Bank.</p> | <p>3.6 Pelanggan melindungi pihak Bank atas permintaan pertamanya terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh pihak Bank akibat pembelian komoditi di bawah transaksi di sini sebagai ejen bagi Pelanggan atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap apa-apa tanggungjawab mereka di sini melainkan jika kerugian atau liabiliti tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.</p> |
| <p>3.7 The Bank shall not be obliged to enter into any transaction or follow any instruction by the Customer, if in the opinion by entering into such transaction, the Bank and its affiliate will expose to breach of any law, policy, rule or regulation.</p>   | <p>3.7 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk memasuki sebarang transaksi atau mengikut sebarang arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapatnya dengan memasuki transaksi tersebut, pihak Bank dan gabungannya akan terdedah kepada mana-mana pelanggaran undang-undang, dasar, syarat atau peraturan.</p>  |
| <p>3.8 The appointment as an agent shall be terminated upon the death of the Customer, dissolution, loss of legal capacity of the principal or full withdrawal whereby, the Sale Price shall be accelerated and the Bank shall pay the outstanding Sale Price such as deposit amount and any accrued profit (if applicable), taking into consideration the applicable rebate, if any, to the Customer on the Termination Date.</p>  | <p>3.8 Perlantikan sebagai ejen akan ditamatkan selepas kematian Pelanggan atau pengeluaran penuh berlaku di mana, Harga Jualan akan dipercepatkan dan pihak Bank hendaklah membayar baki Harga Jualan iaitu amaun deposit dan sebarang keuntungan terakru (jika ada), dengan mengambil kira sebarang rebat, jika ada, kepada Pelanggan pada Tarikh Penamatan.</p>  |
| <p><b>4. FEES AND CHARGES</b></p>   | <p><b>4. FIDAN CAJ</b></p>  |
| <p>4.1 Charges will be imposed according to the Bank's Fees and Charges. The Bank shall comply with all relevant rules and decisions by BNM.</p>  | <p>4.1 Caj akan dikenakan adalah tertakluk kepada Fi dan Caj Bank. Bank hendaklah mematuhi semua peraturan dan keputusan yang berkaitan oleh BNM dan lain-lain autoriti yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.</p>   |

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

## TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

- |  |  |
|--|--|
| <p>4.2 The Customer may refer to the Bank's website to view the imposed charges and relevant Product Disclosure Sheets for Savings Accounts-i.</p>   | <p>4.2 Pelanggan boleh merujuk kepada laman web Bank untuk melihat caj yang dikenakan dan Risalah Pendedahan Produk untuk Akaun Simpanan-i.</p>  |
| <p>4.3 The Customer hereby agrees that the Bank has a right to vary the fees and charges applicable to the Account by giving twenty one (21) days notice or communication of the said variation, and any such notice or communication of any variations may be delivered personally, or by registered/ordinary post to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises or newspaper, or e-mail, or web page, or short messaging service, or by any other modes which the Bank deems fit. All communication posted to or left at the Customer's last registered address with the Bank shall be deemed to be duly delivered to Customer unless there is contrary evidence that such notice was not in fact served.</p>  | <p>4.3 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengubah fi dan caj yang dikenakan ke atas Akaun dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari atau komunikasi mengenai variasi tersebut, dan apa-apa notis atau komunikasi apa-apa variasi boleh dihantar secara peribadi, atau melalui pos berdaftar / biasa kepada pihak lain di alamat terakhir yang diketahui oleh Bank, atau dengan memaparkan di premis Bank atau surat khabar, atau e-mel, atau laman web, atau perkhidmatan pesanan ringkas, atau dengan apa-apa mod yang dianggap sesuai oleh Bank. Semua komunikasi yang dipaparkan atau ditinggalkan di alamat terakhir yang didaftarkan Pelanggan dengan pihak Bank akan dianggap diserahkan kepada Pelanggan (melainkan ada bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak diterima).</p>   |
| <p><b>5. <u>PERSONAL DATA PROTECTION ACT (PDPA)</u></b></p>  | <p><b>5. <u>AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDPA)</u></b></p>   |
| <p>5.1 The Bank will take all reasonable precautions to preserve the integrity and confidentiality of information set out within the application submitted via this online application. However, the Customer acknowledges and agrees that the Bank may disclose such information to the Bank officers, employees and agents, the Bank service providers, and any other person where such disclosure is reasonably required for processing the application submitted. To the extent that the information set out within the application submitted via this online application constitutes personal data under the Personal Data Protection Act, the Customer acknowledges and agrees that the Bank may collect, use or disclose such personal data in connection with:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) the processing of the application submitted;</li> <li>b) the assessment and determination of your eligibility for account opening and other banking services and products;</li> <li>c) the carrying out of statistical and other analysis and analytics;</li> <li>d) the monitoring and enforcement of compliance with these Terms; and</li> <li>e) the sending of communications relating to our products and services to you.</li> </ul> | <p>5.1 Bank akan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memelihara integriti dan maklumat sulit yang dinyatakan di dalam permohonan yang dikemukakan melalui aplikasi atas talian. Walaubagaimanapun, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada pegawai Bank, pekerja dan agen, penyedia perkhidmatan Bank, dan mana-mana orang lain yang munasabah diperlukan untuk memproses permohonan yang dihantar. Setakat maklumat yang dinyatakan di dalam permohonan melalui aplikasi atas talian ini merupakan data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi tersebut berkaitan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) pemprosesan permohonan yang dihantar;</li> <li>b) penilaian dan penentuan kelayakan anda untuk pembukaan akaun dan perkhidmatan dan produk perbankan yang lain;</li> <li>c) menjalankan analisis statistik dan analisis-analisis yang lain;</li> <li>d) pemantauan dan penguatkuasaan pematuhan dengan terma-terma ini; dan</li> <li>e) penghantaran komunikasi yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami kepada anda.</li> </ul> |

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

## TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

- |   |   |
|---|---|
| <p>5.2 The Bank may use the Customer's Personal Data for marketing purposes as follows: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) to conduct marketing research and survey with the aim of improving the Bank's products and service.</li> <li>b) for marketing purpose, promotion event, competition or lucky draw</li> </ul> <p>5.3 The Bank processes the Customer's Personal Data as per above (clause 4.2) purposes due to the interest of the Bank's business with the intention of improving the Bank's products and services. The Bank will not send any marketing material to the Customer if the Customer has specifically mentioned not to do so. The Customer has the right to opt-out of receiving marketing material. Please contact the Bank's branches or customer service</p>  | <p>5.2 Pihak Bank boleh menggunakan data peribadi pelanggan bagi tujuan pemasaran seperti berikut: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) menjalankan penyelidikan pemasaran dan tinjauan dengan tujuan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan Bank.</li> <li>b) bagi tujuan pemasaran, promosi, persaingan atau cabutan bertuah.</li> </ul> <p>5.3 Pihak Bank memproses Data Peribadi Pelanggan seperti di atas (klausula 4.2) bertujuan sebagai kepentingan perniagaan bank bagi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan Bank. Pihak Bank tidak akan menghantar sebarang bahan pemasaran kepada Pelanggan sekiranya Pelanggan menyatakan secara khusus tidak memerlukannya. Pelanggan berhak memilih untuk tidak menerima bahan pemasaran. Sila hubungi cawangan atau perkhidmatan pelanggan Bank.</p>  |
| <p><b>6. <u>COMPLIANCE WITH REGULATORY REQUIREMENTS</u></b></p> <p>6.1 The Customer acknowledges and agrees that the account opening application submitted via this online application is complying with legal, regulatory, compliance and risk management requirements for the followings:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Anti Money Laundering Act (AMLA)</li> <li>b) Foreign Exchange Administration (FEA)</li> <li>c) Foreign Account Tax Compliance Act ("FATCA")</li> <li>d) Common Reporting Standard (CRS)</li> </ul>  | <p><b>6. <u>PEMATUHAN KEPERLUAN KAWAL SELIA</u></b></p> <p>6.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa permohonan pembukaan akaun yang dikemukakan melalui aplikasi dalam talian ini mematuhi keperluan pengurusan undang-undang, peraturan, pematuhan dan pengurusan risiko untuk perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA)</li> <li>b) Pentadbiran Pertukaran Wang Asing (FEA)</li> <li>c) Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA")</li> <li>d) Piawaian Pelaporan Umum (CRS)</li> </ul>  |
| <p><b>7 <u>SECURITY</u></b></p> <p>7.1 The Customer must ensure that only persons with proper and valid authority (within any limits set by the Customer) send or transmit, or authorize the sending or transmission of, an application to the Bank via this online application. The Customer is responsible for the accuracy, adequacy and completeness of information submitted to the Bank. The Bank shall be entitled to treat an application received as being properly authorized by the Customer and binding upon the Customer, and the Bank is not required to further investigate or enquire the authenticity or authority of the Customer's good self.</p> <p>7.2 The Customer is responsible for the use of the Customer's own password and/or TAC number dispatched to the Customer. The Bank shall not be liable to the Customer for any loss, damage, cost or expenses incurred by the Customer as a result of the loss or unauthorised use of the Customer's password and/or TAC number.</p> | <p><b>7. <u>SEKURITI</u></b></p> <p>7.1 Pihak Pelanggan mesti memastikan bahawa hanya individu yang mempunyai autoriti yang berpatutan dan sah (dengan had yang ditetapkan oleh pihak Pelanggan) menghantar atau sahkan penghantaran aplikasi ke Bank melalui permohonan atas talian ini. Pihak Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk ketepatan, kecukupan dan kelengkapan maklumat yang diberi ke pihak Bank. Pihak Bank berhak menganggap permohonan yang diterima seperti yang sah diautoritikan oleh pihak Pelanggan dan mengikat pada pihak Pelanggan, dan pihak Bank tidak perlu mengkaji lebih atau bertanya akan kesahihan atau autoriti pihak Pelanggan.</p> <p>7.2 Pihak Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk kegunaan kata laluan dan/atau nombor TAC yang diberi kepada pihak Pelanggan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang dikenakan ke atas pihak Pelanggan akibat kehilangan atau kegunaan tidak berautoriti kata laluan dan/atau nombor TAC pihak Pelanggan.</p> |

### TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

### TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

- |   |  |
|---|--|
| <p>7.3 The Customer acknowledges that the information set out within the application submitted via this online application is only encrypted and secured upon transmission to the Bank, and agree that this online application uses reasonable security procedures to:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) verify that such information originate from the Customer;</li> <li>b) verify that such information is not altered during transmission to the Bank; and</li> <li>c) indicate the Customer's intention in respect of the application submitted, and that such security procedures are as reliable as appropriate for the purposes for which the online application is used. The Bank is not liable to the Customer if any transmission is delayed, lost or otherwise fails to reach the Bank, or if the information set out within the application is modified, intercepted or otherwise accessed by a third party during the process of transmission.</li> </ol> | <p>7.3 Pihak Pelanggan mengakui bahawa maklumat yang dinyatakan di dalam permohonan yang dikemukakan melalui aplikasi atas talian ini hanya disulitkan dan diamankan semasa penghantaran ke Bank, dan bersetuju bahawa permohonan atas talian ini menggunakan prosedur keselamatan untuk</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Sahkan bahawa maklumat datang dari pihak Pelanggan;</li> <li>b) Sahkan bahawa maklumat tidak diubah semasa penghantaran ke pihak Bank; dan</li> <li>c) Menunjukkan niat Pelanggan berkenaan dengan Permohonan yang dikemukakan, dan tatacara keselamatan sedemikian adalah boleh dipercayai untuk tujuan penggunaan aplikasi atas talian. Pihak Bank adalah tidak bertanggungjawab jika sebarang penghantaran ditangguhkan, hilang atau sebaliknya gagal diterima Pihak Bank, atau jika maklumat yang diisi dalam permohonan telah diubah, dipintas atau diakses oleh pihak ketiga semasa proses penghantaran.</li> </ol> |
| <p>8. <b><u>CHANGE IN PARTICULAR</u></b></p>  | <p>8. <b><u>PERUBAHAN BUTIR-BUTIR</u></b></p>  |
| <p>8.1 For correspondence address, the Customer's online correspondence address will follow his debiting account address. For any changes, the Customer shall walk-in to the nearest Branch.</p>  | <p>8.1 Untuk alamat surat-menyurat, alamat surat-menyurat Pelanggan atas talian akan berdasarkan alamat akaun debitinya. Untuk apa-apa perubahan, Pelanggan perlu ke Cawangan yang terdekat.</p>   |
| <p>9. <b><u>COMMODITY TRANSACTIONS</u></b></p>  | <p>9. <b><u>TRANSAKSI KOMODITI</u></b></p>   |
| <p>9.1 As the agent of the Customer, the Bank shall enter into the Purchase Transaction as determined by the Bank as follows:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) The Bank shall enter into a <i>Tawarruq</i> transaction on the Trading Day which falls on next business day following the deposit placement date, subject to the Daily Net Deposit amount.</li> <li>b) The Bank shall enter into a <i>Tawarruq</i> transaction on the Trading Day which falls on the next business day of each New Year on the Total Outstanding Balance.</li> </ol>  | <p>9.1 Sebagai ejen Pelanggan, pihak Bank hendaklah memasuki Transaksi Pembelian seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Pihak Bank hendaklah memasuki transaksi <i>Tawarruq</i> pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari perniagaan berikutnya selepas tarikh kemasukan deposit, tertakluk kepada amaun Deposit Bersih Harian.</li> <li>(b) Pihak Bank hendaklah memasuki transaksi <i>Tawarruq</i> pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari perniagaan berikutnya pada setiap tahun baharu pada Jumlah Baki.</li> </ol>  |
| <p>9.2 The Sale Price shall be computed based on the following formula:</p> <p style="text-align: center;"><b>Sale Price = Purchase Price + Ceiling Profit</b></p>  | <p>9.2 Harga Jualan adalah dikira berdasarkan formula berikut:</p> <p style="text-align: center;"><b>Harga Jualan = Harga Belian + Keuntungan Buntung</b></p>  |

### TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

### TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

- 9.3 The Sale Price shall be deferred to two cashflow streams:
- Principal portion such as deposit amount shall be paid on the Maturity Date such as December 31 (and subsequent years);
  - Actual Profit shall be paid at every month. However, the current account which is linked to Muamalat Cashline-i (MCash) Facility, the available credit balance shall not be eligible for any profit payment from the Bank. The actual profit rate shall be based on the EPR as per formula below:

$$\text{Actual Profit} = \frac{\text{EOD Balance} \times \text{EPR} \times \text{No. of Days}}{365 \text{ or } 366}$$

- 9.4 The Ceiling Profit shall be computed based on the following formula:

$$\text{Ceiling Profit} = \frac{\text{Purchase Price} \times \text{CPR} \times \text{Remaining Days}}{365 \text{ or } 366}$$

- 9.5 The Customer has the right to request and take physical possession and delivery of the Commodity subject to minimum requirements and comply with terms and conditions of the Commodity Platform provider. Request for the delivery of Commodity can be done at any BMMB branches during normal business hours and the delivery arrangement is to be made between the Customer and Commodity Platform where the Customer must solely bear all costs and expenses incurred for the delivery and subsequent transfer of ownership of the Commodity.

- 9.6 Withdrawal shall be deemed as acceleration/early payment of the Sale Price but the said payment shall be in proportion with the amount of withdrawal of the Customer..

- 9.7 At the Maturity Date, the Bank shall rollover the Total Outstanding Balances under the Customer's Account and enter into a new Commodity Trading for a tenure that matures on 31 December of the following year.

- 9.3 Harga Jualan akan ditangguhkan kepada dua kaedah aliran tunai:

- Bahagian prinsipal iaitu amaun deposit hendaklah dibayar pada Tarikh Matang, contohnya 31 Disember (dan tahun-tahun seterusnya);
- Keuntungan Sebenar hendaklah dibayar pada setiap bulan. Namun demikian, amaun deposit sedia ada di dalam akaun semasa yang dihubungkan pada produk Muamalat KemudahanTunai-i (MCash) adalah tidak layak untuk menerima sebarang pembayaran keuntungan oleh pihak Bank. Kadar keuntungan sebenar adalah berdasarkan kepada KKE seperti formula di bawah:

$$\text{Keuntungan Sebenar} = \frac{\text{Baki PH} \times \text{KKE} \times \text{Bil. Hari}}{365 \text{ atau } 366}$$

- 9.4 Keuntungan Bumbung hendaklah dikira berdasarkan kepada formula berikut:

$$\text{Keuntungan Bumbung} = \frac{\text{Harga Belian} \times \text{KKB} \times \text{Baki Hari}}{365 \text{ atau } 366}$$

- 9.5 Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil milikan fizikal dan penyerahan Komoditi tertakluk kepada syarat-syarat minimum dan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh penyedia Platform Komoditi. Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan Bank pada waktu urusan perniagaan perbankan dan urusan penyerahan di antara Pelanggan dan Platform Komoditi adalah ditanggung sendiri yang mana Pelanggan mesti menanggung semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penghantaran dan pemindahan hak milik Komoditi yang berikutnya.

- 9.6 Pengeluaran dana akan dianggap sebagai bayaran awal/percepatan Harga Jualan, namun bayaran tersebut adalah perlu berkadar dengan amaun pengeluaran oleh Pelanggan.

- 9.7 Pada Tarikh Matang, pihak Bank akan melaburkan semula Jumlah Baki di dalam Akaun Pelanggan dan akan memasuki Komoditi Dagangan baharu untuk satu tempoh yang akan matang pada 31 Disember pada tahun berikutnya.

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

## TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

### 10. FORCE MAJEURE

10.1 Notwithstanding any other provisions herein, in the event the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, pandemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same.

### 11. MISCELLANEOUS

11.1 Subject to Shariah principles, the Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Terms & Conditions and any such notice or communication of any additions, modifications or deletions may be delivered personally, or by registered or ordinary mail to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises, or by any notice or communication shall be deemed to be proof or receipt and binding on the Customer unless there is contrary evidence that such notice was not in fact served:

- a) If personally delivered, at the time of delivery; or
- b) If posted by registered or ordinary mail, on the seven (7) business day after mailing; or
- c) If displayed at the Bank's premises, on the effective date as stated in the notice.

11.2 In the event of any inconsistency between these Terms & Conditions with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, these Terms & Conditions shall prevail.

11.3 The Bank reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the Customers within twenty one (21) calendar days notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions. We provide the

### 10. FORCE MAJEURE

10.1 Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

### 11. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

11.1 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk menambah, mengubahsuai atau membuang mana-mana Terma & Syarat dan mana-mana notis berkenaan dengan penambahan, pengubahsuaian atau pembuangan tersebut boleh dihantar sendiri, atau pos berdaftar/biasa ke alamat terakhir yang diketahui pihak Bank, atau dipamerkan notis di mana-mana premis Bank, atau melalui apa-apa kaedah yang difikirkan munasabah oleh pihak Bank. Bukti pengeposan atau penyerahan atau penampalan notis akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan akan mengikat Pelanggan melainkan ada bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak diterima:

- a) Sekiranya dihantar sendiri, pada masa penghantaran; atau
- b) Sekiranya secara pos berdaftar atau biasa, pada tujuh (7) hari bekerja setelah dipos; atau
- c) Sekiranya dipamerkan di premis Bank, pada tarikh kuatkuasa seperti yang dinyatakan pada notis tersebut.

11.2 Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara Terma & Syarat ini dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma & Syarat ini akan diguna pakai.

11.3 Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua Terma & Syarat di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Pelanggan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasanya Terma &

## TERMS AND CONDITIONS ONLINE SAVINGS ACCOUNT OPENING

*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)*

## TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN ATAS TALIAN

*(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)*

- Term & Conditions in both language, English and Bahasa Malaysia. In case of any inconsistency between these two, English version shall prevail.
- Syarat baharu. Kami menyediakan Terma dan Syarat dalam kedua-dua bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara kedua-dua ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 11.4 The terms and conditions including the discretion rights and/or power given to any parties under this Terms & Conditions shall be subject to Shariah principles.
- 11.4 Terma-terma dan syarat-syarat termasuk hak-hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah Terma & Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.
- 11.5 In addition to other terms and conditions as set out in these Terms & Conditions, the Customer also hereby agree and consent to be bound by the General Terms & Conditions Governing Banking Accounts for Islamic Banking.
- 11.5 Sebagai tambahan kepada terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi persetujuan untuk terikat dengan Terma-terma & Syarat-syarat Perbankan Umum untuk Perbankan Islam.
- 11.6 Any forms or receipts signed by the account holder and any transactions electronically confirmed, validated and or effected by the account holder in relation to any transaction or matter under the Account before, during or after the transaction or matter is carried out (the above transactions) shall be deemed final conclusive and binding on the account holder. Not in derogation of the generality of the foregoing, the account holder further agrees that the Banks books and or records evidencing the above transactions shall also be deemed as final, conclusive and binding on the account holder.
- 11.6 Sebarang borang atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang transaksi secara elektronik yang disahkan dan atau dilaksanakan oleh pemegang akaun berhubung dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah akaun sebelum, semasa atau selepas transaksi atau perkara yang dibawa (transaksi di atas) hendaklah dianggap muktamad akhir dan mengikat Pemegang akaun. Tidak mengurangkan keluasan makna yang disebutkan di atas, maka pemegang akaun bersetuju bahawa Bank buku dan atau rekod yang membuktikan urusaniaga di atas juga akan dianggap sebagai muktamad, muktamad terikat pada pemegang akaun.

### DISCLAIMER:

Although the Bank will put in place reasonable safeguards, the Bank does not warrant that the online account opening will be provided uninterrupted, free from any errors, computer virus or other malicious, destructive or corruptive code, or that any defect will be corrected.

*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") for up to RM250,000 for each depositor)*

For more information, please visit our nearest branch or call our Customer Care Line at 03-26005500 or visit our website at <https://www.muamalat.com.my>.

### PENAFIAN:

Walaupun Bank akan meletakkan perlindungan yang munasabah, Bank tidak menjamin bahawa pembukaan akaun atas talian yang diberikan tidak akan terganggu, bebas daripada sebarang kesilapan, virus komputer atau perkara lain-lain yang berbahaya, kod merosakkan atau koruptif, atau apa-apa kecacatan yang diperbetulkan.

*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") for up to RM250,000 for each depositor)*

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan terdekat atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 03-26005500 atau layari laman sesawang Bank di <https://www.muamalat.com.my>.